

10

setempat

16-12-2016

>> **Projek MRT berjaya menjimatkan RM2 bilion daripada kos asal RM23 bilion**

Harian Metro

16/12/16

M/S 10 - 11



Najib dan Liow (dua dari kiri) beramah mesra bersama penumpang MRT.





PENUMPANG menunjukkan isyarat bagus ketika Pelancaran MRT Fasa 1 laluan Sungai Buloh-Semantan.



ANTARA jemputan yang berpeluang menaiki MRT ketika majlis Pelancaran MRT Fasa 1 laluan Sungai Buloh-Semantan.



Metro TV
MALAYSIA
Untuk video layari
www.hmetro.com.my/mymetrotv

TAMBANG PERCUMA SEBULAN

■ MRT, bas perantara tanpa caj hingga 16 Januari

Mohd Nasif Badruddin
mnasif@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak mengumumkan tambang percuma kepada pengguna Transit Aliran Massa (MRT) dan bas perantara yang berkaitan selama sebulan mulai hari ini hingga 16 Januari depan.

Perdana Menteri berkata, tambang percuma bagi fasa pertama MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) yang mula beroperasi jam 6 pagi ini sebagai hadiah kepada rakyat sempena tahun baharu.

Katanya, projek MRT bukan saja siap mengikut jadual lima tahun pembinaan untuk mula beroperasi akhir tahun ini malah berjaya menjimatkan RM2 bilion daripada kos asal RM4 bilion.

“

Projek MRT akan memartabatkan Malaysia selangkah lagi ke hadapan menjadikan negara kita sebuah negara yang maju lengkap dengan jaringan pengangkutan awam moden dan efisien”

Najib Razak

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Operasi Fasa Pertama MRT Laluan SBK di Stesen MRT Kwasa Damansara di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Pengangkutan Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah MRT Copr Tan Sri Dr Ali Hamsa.



KAUNTER tiket elektronik di stesen MRT Kampung Selamat, Sungai Buloh.



JURUTEKNIK penyelenggaraan MRT meninjau sekitar stesen di Sungai Buloh.

RM23 bilion.

Menurutnya, walaupun sebilangan pakej kerja diperuntukkan untuk bidaan syarikat Bumiputera, projek itu turut menyaksikan syarikat Bumiputera membida dan berjaya dalam tender bagi pakej kerja kategori terbuka. "Saya begitu gembira mengumumkan MRT berjaya melepasi sasaran 43 peratus apabila menganugerahkan 50 peratus daripada jumlah nilai kontrak kepada syarikat Bumiputera.

"Seramai 13 graduan muda Bumiputera juga diberi peluang mempelajari kemahiran dalam industri pembinaan dan kereta api menerusi Program Usahawan Muda MRT," katanya.


Fasa pertama MRT Laluan SBK merangkumi 12 stesen dari Sungai Buloh ke Semantan manakala fasa kedua dari Semantan ke Kajang akan siap Julai tahun depan menjadikan keseluruhan laluan SBK sepanjang 51 kilometer dengan 31 stesen.

Najib berkata, agenda Bumiputera turut di-amalkan hingga ke pemilihan usahawan untuk kedai di stesen MRT dengan pembabitn 50 peratus peniaga Bumiputera melebihi sasaran awal hanya 30 peratus.

"Projek MRT ini akan memartabatkan Malaysia selangkah lagi ke hadapan menjadikan negara kita sebuah negara yang maju lengkap dengan jaringan pengangkutan awam moden dan efisien," katanya.



KAKITANGAN MRT menanti ketibaan tetamu yang menaiki tren.



ORANG ramai memulii gerabak tren MRT, semalam.



MRT fasa satu laluan Sungai Buloh-Semantan.